

15 OCT 1998

Malott-motif

KUNJUNGAN DUTA AMERIKA SYARIKAT KE RUMAH AZIZAH DIRAGUI

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Kehadiran Duta Besar Amerika Syarikat di Malaysia John Malott di rumah Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam dicurigai motif sebenarnya oleh beberapa pihak.

Kunjungan beliau ke atas isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail yang dikatakannya atas dasar "kunjungan peribadi" dianggap mempunyai motif lain.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Segambut Abdul Hadi Mohd Zam berkata walaupun Malott mengunjungi Wan Azizah untuk menyampaikan rasa simpatinya, kehadiran beliau menunjukkan "seperti ada pakatan yang boleh dicurigai."

"Masalah Anwar ialah masalah individu, sepatutnya jangan ada yang mencampuri urusan pengadilannya. Sekarang ini, orang luar seolah-olah mahu menggunakan kes Anwar untuk membuat penilaian (ke atas sistem kehakiman)," katanya kepada Bernama.

Abdul Hadi yang juga Bendahari Pemuda Wilayah Persekutuan berkata tidak ada sebab mengapa pihak dari negara luar harus campur tangan dalam perkara ini yang menunjukkan seolah-olah mereka tidak percaya kepada pentadbiran kerajaan dan kebebasan mahkamah di negara ini.

Malott petang semalam dilaporkan berada di rumah bekas timbalan perdana menteri itu di Bukit Damansara di sini selama sejam. Tidak ada kenyataan dibuat mengenai pertemuan dengan Wan Azizah itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas mengenai pertemuan itu semalam, berkata Duta Amerika Syarikat itu boleh berbuat demikian asalkan "beliau tidak bercakap bohong mengenainya (pertemuan itu)."

Ketua Wanita MIC Senator Puan Sri Sarasa Pasamanickam ketika dihubungi berkata walaupun Malott mengunjungi Wan Azizah atas dasar peribadi, beliau masih merupakan seorang duta besar yang mewakili negaranya di Malaysia.

"Kunjungan seorang Duta Amerika Syarikat sudah pasti akan menarik perhatian," katanya.

Sarasa berakta walau apapun perasaan peribadi Malott terhadap kes Anwar, beliau perlu mengetepikannya dan sebaliknya menunggu keputusan mahkamah.

Anwar, yang dipecat dari jawatan kabinet pada 2 Sept lepas dan dari parti sehari kemudiannya, kini menghadapi 10 tuduhan mahkamah berhubung rasuah dan salah laku seks. Kesnya akan mula didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 2 Nov ini.

Setiausaha Agung Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata sebagai sebuah negara demokratik, Malaysia tidak boleh menghalang perjumpaan sedemikian asalkan ia tidak disalah gunakan untuk tujuan bertentangan dengan undang-undang negara.

Katanya pihak luar sentiasa akan mengambil peluang campur tangan dalam soal ekonomi dan politik negara ini.

Beliau juga turut mengingatkan kakitangan kerajaan supaya tidak terlibat dengan usaha pihak luar untuk menjatuhkan kerajaan kerana ketidakstabilan dalam negara boleh mengganggu masa depan dan kerjaya mereka.

"Jauhi dari dakyah mereka dan sama-samalah membantu mempertahankan keamanan negara," katanya.

-- BERNAMA

RAZ HJ MAI